



قجابه ستياءوسها كراجان نكري كلنتن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
Aras 3, MABNA MBI (Blok 8),  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan

Tel : 609 - 7481957 (AM)  
: 609 - 7485766 (D/L)  
Fax : 609 - 7443164  
: 609 - 7436000  
KPSU : 609 - 7484367  
Email : bhgkp@kelantan.gov.my

Ruj Kami : SUK(S)D200 (01) 15/1/1 JILID 3 (61)  
Bertarikh : 21 Syawal 1440H *bersamaan*  
25 Jun 2019

Kemajlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YB./YM./Dato'/Tengku/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2019**

**PERINGATAN UNTUK MEMATUHI PEKELILING BERKAITAN TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM  
KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas .

2. Dimaklumkan bahawa di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Negeri Kelantan Bil 1/2019 pada 14 April 2019 telah berbangkit berkenaan kegagalan pegawai mematuhi peraturan yang berkaitan tuntutan elaun perjalanan berdasarkan Pekeliling yang berkuatkuasa, terutama sekali berkenaan dengan kadar kelayakan bayaran sewa penginapan hotel yang berdasarkan gred jawatan masing-masing. Perkara ini memberikan kesan yang tidak baik kepada pengurusan kewangan kerajaan negeri Kelantan.

3. Justeru itu YB./YM./Dato'/Tengku/Tuan/Puan adalah diperingatkan untuk mematuhi dengan ketat peraturan-peraturan berkaitan tuntutan elaun perjalanan yang berkuatkuasa seperti berikut :

- i. PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2015 : 1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) - PENGURUSAN WANG AWAM WP1.4/2013, KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI (TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS) dan ,
- ii. PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2012 : PINDAAN PERENGGAN 4.3 - BAYARAN SEWA HOTEL DALAM PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2003 DAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2010.



4. Khususnya bagi tuntutan penginapan, adalah diperingatkan, jika seseorang pegawai terpaksa menyewa bilik hotel penginapan melebihi kelayakannya, maka sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2012, hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Jika permohonan selepas penginapan dilakukan, maka permohonan tersebut tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan.

**RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT**  
**\*SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT\***

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K (Kelantan)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN**



## **PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2015**

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,

### **1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) – PENGURUSAN WANG AWAM WP1.4/2013**

#### **KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI**

**(TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS)**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan Negeri menerimapakai 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pengurusan Wang Awam WP1.4/2013 mengenai Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis).

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Melalui 1PP - Pengurusan Wang Awam (WP) 1.4/2013 - Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Perkhidmatan Awam kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis), terdapat pindaan kepada kadar bayaran sewa penginapan hotel kepada pegawai gred 52 dan kebawah sebagaimana perenggan 5.3 WP 1.4/2013 berkenaan seperti berikut:

(a) Semenanjung Malaysia

Gred	Sewa Penginapan Maksimum (RM) Semasa	Sewa Penginapan Maksimum (RM) Pindaan
Utama/Khas A dan Ke atas	Sebenar (Standard Suite)	Sebenar (Standard Suite)
Utama/Khas B dan C	Sebenar (Bilik Superior)	Sebenar (Bilik Superior)
53 dan 54	Sebenar (Bilik Biasa)	Sebenar (Bilik Biasa)
45 hingga 52	180.00	240.00
41 hingga 44	160.00	220.00
27 hingga 40	140.00	200.00
17 hingga 26	130.00	180.00
16 dan Kebawah	120.00	160.00

(b) Sabah, Sarawak dan Labuan

Gred	Sewa Penginapan Maksimum (RM) Semasa	Sewa Penginapan Maksimum (RM) Pindaan
Utama/Khas A dan Ke atas	Sebenar (Standard Suite)	Sebenar (Standard Suite)
Utama/Khas B dan C	Sebenar (Bilik Superior)	Sebenar (Bilik Superior)
53 dan 54	Sebenar (Bilik Biasa)	Sebenar (Bilik Biasa)
45 hingga 52	200.00	270.00
41 hingga 44	170.00	250.00
27 hingga 40	140.00	230.00
17 hingga 26	130.00	210.00
16 dan Kebawah	120.00	190.00

### 3.0 PEMAKAIAN PEKELILING

- 3.1 Setelah meneliti pelaksanaan pindaan kadar harga sewaan penginapan hotel berdasarkan harga pasaran semasa, Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk menerimapakai kadar pindaan sebagaimana 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pengurusan Wang Awam WP1.4/2013.


### 4.0 KUATKUASA

- 4.1 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pengurusan Wang Awam WP1.4/2013 bolehlah di muatturun melalui laman sesawang Perbendaharaan Negeri Kelantan : <http://www.pkn.kelantan.gov.my>
- 4.2 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Mac 2015.

Sekian, terima kasih.

**“ SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI, RAKYAT DILINDUNGI ”**

Saya yang menurut perintah,

  
**DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF, D.P.S.K ( Kelantan)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan.

Bertarih : 14 Jamadilawal 1436H Bersamaan 05 Mac 2015M  
Rujukan : [P.K.N.A.1/9-1/Jld.8 (35)]

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan  
Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Yang Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan  
Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan

PPKN/KP/pekeliling/ sppn.bil.2015/rrn

berikut:

- (a) sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan;  
 (b) makan tengah hari - 40% daripada Elaun Makan;  
 (c) makan malam - 40% daripada Elaun Makan; dan

5.1.4 sekiranya Penganjur menyediakan kemudahan dalam bentuk wang bagi menampung perbelanjaan makan tersebut maka pegawai layak menuntut perbezaannya;

## 5.2 Elaun Harian

5.2.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh melebihi lapan (8) jam tetapi kurang dari 24 jam adalah layak menuntut Elaun Harian mengikut kadar separuh daripada kelayakan Elaun Makannya;

## 5.3 Bayaran Sewa Hotel

5.3.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar seperti berikut:

### (a) Semenanjung Malaysia

Gred	Sewa Penginapan (maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas A dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )	80
Utama/Khas B dan C	Sebenar ( <i>Bilik Superior</i> )	75
53 dan 54	Sebenar ( <i>Bilik Biasa</i> )	70
45 hingga 52	240	60
41 hingga 44	220	55
27 hingga 40	200	45
17 hingga 26	180	40
16 dan ke bawah	160	35

### (b) Sabah, Sarawak dan Labuan

Gred	Sewa Hotel (maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas A dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )	85
Utama/Khas B dan C	Sebenar ( <i>Bilik Superior</i> )	80
53 dan 54	Sebenar ( <i>Bilik Biasa</i> )	75
45 hingga 52	270	70
41 hingga 44	250	60
27 hingga 40	230	50
17 hingga 26	210	45
16 dan ke bawah	190	40

- 5.3.2 tuntutan Bayaran Sewa Hotel bagi pegawai-pegawai hendaklah berpatutan dan munasabah;
- 5.3.3 sekiranya tuntutan Bayaran Sewa Hotel tersebut adalah melebihi kelayakan pegawai, Pegawai Pengawal boleh meluluskan tuntutan tersebut dengan kadar tidak melebihi 20% daripada kadar kelayakan pegawai selaras prinsip *Let Managers Manage*;
- 5.3.4 Bayaran Sewa Hotel tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi tiga (3) bulan terus-menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan;
- 5.3.5 seseorang pegawai layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya; dan
- 5.3.6 seseorang pegawai tidak layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing jika tempat penginapan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;

#### 5.4 Elaun Gantian Tetap

- 5.4.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh melebihi tiga (3) bulan tetapi kurang dari enam (6) bulan termasuk hari kelepasan am dan mingguan adalah layak menuntut Elaun Gantian Tetap mengikut kadar seperti berikut:
- (a) Melibatkan Bermalam  
 $\frac{2}{3}$  (Elaun Makan + Elaun Lojing) x Jumlah hari bertugas rasmi;
  - (b) Tidak Melibatkan Bermalam  
 $\frac{2}{3}$  (Elaun Harian) x Jumlah hari bertugas rasmi;
- 5.4.2 bagi tujuan perenggan 5.4.1 di atas, jumlah hari yang sebenar pegawai itu menjalankan tugas di luar Ibu Pejabat hendaklah dikira mulai dari hari ketibaannya. Seseorang pegawai yang pulang ke Ibu Pejabatnya secara sementara selama tidak lebih dari tujuh (7) hari dan kembali meneruskan tugas tidak akan dianggap sebagai menjalankan tugas yang baru tetapi dikira sebagai menyambung tugas asalnya; dan
- 5.4.3 seseorang pegawai layak menuntut mana-mana komponen Elaun Gantian Tetap sama ada Elaun Makan, Elaun Harian atau Elaun Lojing jika komponen-komponen tersebut tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI  
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

Kepada :

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN PERENGGAN 4.3 – BAYARAN SEWA HOTEL DALAM PEKELILING  
PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2003 DAN SURAT  
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2010**

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai pindaan dalam Perenggan 4.3 – Bayaran Sewa Hotel, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2003 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Perenggan 4.3.2 di bawah perenggan utama 4.3 adalah dipinda menjadikannya kepada klausa baru sebagaimana berikut:-

**“seseorang pegawai yang terpaksa menyewa bilik hotel yang melebihi kelayakannya hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.”**

3. Klausa di Perenggan 4.3.2 di bawah Perenggan Utama 4.3 didalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 4 Tahun 2003 adalah terbatal.

4. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2012 ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**\*ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG\***

**\*TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012\***

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJILCHE MAMAT)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan

Ruj. Fail : P.K.N.A.1/9-1/Jld.8(22)  
Bertarih : 02 Rabiulawal 1433Hijrah bersamaan  
26 Januari 2012

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan  
Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan